

Sri Paus alami rahmat besar

TAKHTA SUCI: “Saya telah menjejakan kaki ke Asia Tengah dan ia memberi rahmat kebaikan kepada saya.” Beginilah cara Sri Paus Fransiskus menilai kunjungannya ke Mongolia baru-baru ini, menandakan Perjalanannya yang ke-43 ke luar negara dan negara yang ke-61 dilawatinya sebagai Sri Paus, semasa Audiensi Umum minggunya di Dataran Sto Petrus.

Bapa Suci telah melawat negara Asia, bersempadan dengan China dan Rusia itu pada Sept 1-4, untuk membawa sukacita Injil dan memberi galakan serta dorongan kepada komuniti Katolik Mongolia yang hanya berjumlah kira-kira 1,500.

Mungkin ada yang bertanya, “mengapa Sri Paus pergi ke tempat yang begitu jauh semata-mata melawat sekumpulan kecil Kristian?”

Prelatus itu menjelaskan, “Kerana di tempat yang jauh, tersorok, jauh dari hingar bingar dan hening, kita sering mendapati tanda-tanda kehadiran Tuhan.

“Tuhan juga tidak hanya hadir di tempat yang meriah tetapi di kalangan mereka yang berhati sederhana, yang mengasihi Dia dalam diam.”

Sri Paus juga gembira dengan rahmat besar yang dialaminya semasa di Mongolia melalui program dan pertemuannya dengan “Gereja yang rendah hati dan bersukacita.”

“Saya telah menjadi saksi tentang kegembira mereka berada di tengah-tengah Gereja,” kata Sri Paus yang turut menyampaikan pesan damai kepada presiden dan rakyat China semasa berada di Mongolia.



Sri Paus Fransiskus bersama kanak-kanak Mongolia semasa lawatan apostolik ke negara itu pada Sept 1-4, 2023. Gambar: media Vatikan.

Bapa Suci juga amat tertarik dengan perkembangan sejarah Gereja Mongolia yang bermula daripada karya-karya penginjilan para misionari. Mereka tiba kira-kira 30 tahun lalu ke negara yang mereka tidak kenali dan ketahui. Mereka mempelajari bahasa, budayanya dan mewujudkan komuniti Katolik yang benar-benar bersatu dan saling menghormati agama-agama lain di Mongolia,” jelas Sri Paus.

Sri Paus memuji komuniti Katolik di Mongolia yang ditakrifkannya sebagai “sifat kesegajagan yang memahami kesetiaan dengan menghormati dan hidup bersama dengan ko-

muniti pelbagai iman di sekeliling mereka.”

“Beginilah seharusnya cara Gereja hidup,” kata Sri Paus, “yang bersaksi tentang kasih Yesus dengan lemah lembut, menerima dengan gembira kekayaan kepelbagaian agama dan budaya serta melayani Tuhan dan sesama dalam semangat persaudaraan.”

Gereja Katolik di Mongolia masih muda tetapi dikenali kerana karya-karya amalnya. Karya amal yang tulus merupakan kesaksian iman atau penginjilan yang terbaik.

Bapa Suci gembira dengan pembukaan ‘House of Mercy’, sebuah pusat amal pertama yang ditubuhkan di Mongolia.

Penubuhan pusat seperti itu adalah panggilan kepada “setiap komuniti kita untuk menjadikan Gereja sebagai tempat yang terbuka, berbelas kasih dan mesra, di mana setiap orang boleh masuk tanpa segan silu, di mana sesiapa sahaja boleh menyentuh dan menerima rahmat Tuhan yang membangkitkan dan menyembuhkan.”

Secara peribadi, Sri Paus mengakui bahawa kunjungannya ke Mongolia memberinya inspirasi dengan tradisi kuat orang Mongolia yang amat menghormati ibu bapa dan nenek moyang mereka serta hidup berharmoni dengan alam sekitar. — media Vatikan

Oktober didedikasi bulan berdoa untuk Ukraine

TAKHTA SUCI: Menegaskan “keperluan untuk lebih banyak doa, untuk pertobatan dan menamatkan konflik” di Ukraine, dan sebagai sahutan kepada permintaan Uskup Ukraine Yunani-Katolik, Sri Paus Fransiskus “menyatakan keinginannya untuk menjadikan bulan Oktober ini, iaitu berdoa rosari yang didedikasikan untuk keamanan dan perdamaian di Ukraine khususnya di shrine serta tempat-tempat ziarah.”

Panggilan untuk mendedikasikan Oktober sebagai bulan berdoa untuk keamanan di Ukraine tercetus semasa pertemuan dengan para Uskup Gereja Katolik Yunani Ukraine, yang mengadakan Sinode tahunan mereka di Roma.

Dalam pertemuan hampir dua jam itu, Sri Paus disambut oleh Uskup Agung Ma-



Bapa Suci Fransiskus bertemu dengan para Uskup Ukraine Yunani. Gambar: Media Vatikan.

yor Sviatoslav Shevchuk, “yang mengimbau kembali situasi yang menyakitkan di mana negaranya ditandai dengan peningkatan jumlah orang mati, cedera dan menderita seraya

mengungkapkan penghargaan kepada Sri Paus Fransiskus yang selalu prihatin, membantu dan kasih sayang ditunjukkannya dalam banyak cara.”

Bapa Suci mengingatkan para Uskup tersebut akan teladan Yesus semasa Sengsara, yang tidak kekal menjadi mangsa penghinaan, disiksa dan disalibkan sebaliknya memberikan kesaksian untuk berani bercakap benar, memberi penghiburan kepada mereka yang bersedih agar mereka tidak kecewa dan putus asa.”

“Ini memang tidak mudah,” kata Sri Paus tetapi ini adalah kekudusan, dan ramai orang telah menjadi kudus setelah meneladani dan melakukan apa yang diajarkan oleh Yesus.

Pada akhir pertemuan itu, Sri Paus Fransiskus menyatakan kepada para Uskup bahawa beliau sentiasa mengingati orang-orang Ukraine setiap hari dalam doanya di hadapan ikon Santa Perawan Maria. — media Vatikan

Tuhan memahami turun naik semangat kita

Seseorang pernah bertanya kepada Sta Therese dari Lesieux, adakah salah tertidur semasa berdoa. Jawabannya: *Sudah tentu tidak. Seorang kanak-kanak kecil sangat menghiburkan ibu bapanya baik semasa dia terjaga atau tidur – tetapi mungkin ibu bapanya lebih terhibur apabila dia tidur!*

Jawaban itu sangat mesra dan comel tetapi ada kebijaksanaan mendalam. Jawaban itu biasanya dianggap gurauan atau tidak sampai kepada kita di mana Tuhan memahami keadaan manusia dan memberi kita kebenaran suci untuk menjadi manusia, meskipun pada masa menghadapi komitmen manusia dan rohani yang paling penting.

Baru-baru ini, saya tertarik beberapa perkara dalam homili yang saya dengar.

Seorang pengkhotbah yang adalah paderi berdedikasi, mencabar kita dengan idea bahawa Tuhan harus sentiasa yang pertama dalam hidup kita. Pada ketika itu, homilinya masih di takat yang baik.

Tetapi kemudian dia menceritakan kekecewaannya apabila dia mendengar umat berkata: “Mari pergi ke Misa Senja Sabtu supaya esok kita bebas.” Atau apabila seorang paderi berkata, “Baiklah, hari ini kita singkatkan sahaja, sebab permainan akan bermula pada waktu tengah hari!”

Menurut paderi itu, ungkapan-ungkapan seperti itu adalah pengkhianat atau racun dalam hidup doa. Benarkah demikian?

Mungkin ya mungkin tidak. Komen seperti umat dan paderi yang didengar itu mungkin diucapkan kerana rasa malas,

ketidakpedulian rohani, atau memilih keutamaan yang salah.

Atau mungkin ia sekadar ungkapan keletihan manusia yang normal dan boleh difahami — keletihan yang difahami dan dibenarkan oleh Tuhan, Sang Pengarang sifat semulajadi manusia.

Mungkin atau selalunya, kita mempunyai kenaifan tentang hal-hal rohani. Kita menyangka dalam hal rohani kita harus sentiasa bertenaga dan bersemangat tinggi.

Sebagai contoh, bayangkan sebuah keluarga yang, dengan niat yang terbaik, memutuskan bahawa untuk memupuk kebersamaan keluarga mereka lalu bersetuju untuk membuat makan bersama setiap petang.

Makan bersama itu harus dihadiri oleh semua ahli keluarga dengan sifat positif selama sembilan puluh minit, setiap petang.

Doakan mereka berjaya! Untuk beberapa hari, acara ini dapat memupuk kebersamaan dan akan ada kegembiraan setiap kali mereka berhimpun; tetapi, tidak lama kemudian, ia akan menjadi sesuatu yang mengerah tenaga mereka, dan mungkin ramai di antara ahli keluarga itu yang bersungut di dalam hati, mari kita hentikan aktiviti ini buat seketika atau bolehkah kita pendekkan masa malam ini kerana ada permainan pada jam 7.00 petang.

Memang, sikap ini boleh mengkhianati niat murni dan tujuan asal acara tersebut; tetapi, ungkapan itu mungkin hanya kerana disebabkan keletihan biasa.

Tiada seorang pun daripada kita dapat mengekalkan tenaga dan semangat yang tinggi selama-lamanya.



Hidup kita adalah maraton, bukan pecut. Itulah sebabnya adakalanya baik untuk mengadakan jamuan yang panjang tetapi ada masanya, ia lebih membahagiakan jika kita sekadar mengambil hot-dog dan pergi dari situ.

Tuhan dan alam memberi kita kebenaran untuk kadang-kadang berkata, “mari kita cepat-cepat selesaikan hal ini”, dan kadang-kadang untuk tergesa-gesa menyelesaikan suatu hal agar tidak terlepas permulaan permainan. Lebih-lebih lagi, selain mengambil perhatian akan pasang surut tenaga kita, masih ada sudut lain yang lebih penting untuk kita perhatikan.

Tenaga yang bersemangat atau kekurangannya tidak semestinya menentukan makna. Kita boleh melakukan sesuatu kerana ia memberi makna penting kepada kita – atau kita boleh melakukan sesuatu kerana hal itu sendiri adalah penting, ia bergantung kepada perasaan kita pada hari itu. Terlalu kerap, kita tidak memahami perkara ini.

Lebih-lebih lagi, selain mengam-

bil perhatian akan pasang surut tenaga kita, masih ada sudut lain yang lebih penting untuk kita perhatikan. Tenaga yang bersemangat atau kekurangannya tidak semestinya menentukan makna.

Kita boleh melakukan sesuatu kerana ia memberi makna penting kepada kita — atau kita boleh melakukan sesuatu kerana hal itu sendiri adalah penting, ia bergantung kepada perasaan kita pada hari itu.

Terlalu kerap, kita tidak memahami perkara ini. Sebagai contoh, dengar jawapan yang sering diberikan oleh orang ramai apabila menjelaskan mengapa mereka tidak lagi pergi datang untuk melayani di Gereja, mungkin mereka menjawab, “ia tidak bermakna apa-apa kepada saya.”

Apakah mereka tidak tahu bahawa dengan datang ke Gereja juga sudah memberi makna. Ia bergantung pada perasaan kita pada hari itu.

Makna pelayanan Gereja adalah bergantung kepada kita, ia sebenarnya sama seperti melawat ibu anda yang semakin tua. Anda melawatnya bukan kerana anda sentiasa bersemangat untuk menjenguknya atau kerana berasa bersalah jika tidak berkunjung. Tidak.

Anda melakukannya kerana wanita sakit itu adalah ibu anda yang semakin tua dan ini adalah sifat semula jadi Tuhan dan kematangan yang mendorong kita untuk melakukannya.

Perkara yang sama berlaku dalam acara makan malam keluarga itu tadi. Anda tidak akan selama-lamanya bersemangat dan gembira menghadiri acara itu setiap malam. Anda datang kerana

ini adalah cara keluarga mengekalkan kehidupan bersama mereka.

Akan ada masa apabila anda datang dengan tenaga yang tinggi dan menghargai masa serta tempoh makan malam itu. Tetapi akan ada masa lain apabila, walaupun menyadari bahawa acara itu adalah penting, anda akan mahu cepat-cepat menyelesaikan acara itu atau melirik sekilas pada jam tangan anda dan mengira pukul berapa permainan bermula.

Jadi, kitab suci kita memberi nasihat ini, elakkan bersama seperti kawan-kawan Ayub.

Sebagai nasihat rohani, elakkan orang yang baru mengenal kerohanian, orang yang terlalu alim, kemanusiaan yang terlalu naif, pasangan yang sedang berbulan madu, orang yang baharu memeluk agama dan sekurang-kurangnya separuh daripada semua ahli liturgi dan pemimpin ibadat.

Manual sebenar tentang perkahwinan tidak pernah ditulis oleh pasangan pada bulan madu mereka dan manual sebenar tentang doa tidak pernah ditulis oleh seseorang yang beriman bahawa kita harus sentiasa bersemangat dalam doa sepanjang masa.

Cari mentor rohani yang dapat mencabar anda untuk mengelakkan diri daripada mementingkan diri sendiri dan bangkit dari kemalasan, walaupun dia sekali sekala memberi kebenaran ilahi untuk berundur kerana letih.

Seorang wanita atau lelaki yang sama-sama berdoa, sama-sama diberkati Tuhan, sama ada mereka bersemangat atau letih – atau mungkin lebih apabila letih. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Kesediaan untuk meminta maaf berkali-kali

Injil Matius yang akan kita dengarkan hari ini (Mat 18:21-35) menunjukkan keharusan adanya penyesalan, lebih tepat pertobatan, dan kesediaan untuk saling memaafkan berkali-kali atau mengampuni, bila kita ingin disebut orang Kristian sejati.

Dua masalah diajukan kepada kita: Pertama: Pertanyaan Petrus kepada Yesus: berapa kali kita memaafkan sesama kita yang berbuat tidak baik (berdosa) terhadap kita (ay. 21-22). 2. Jawapan Yesus: pengampunan tidak mengenal batas (ay.22), dan diterangkan-Nya dengan perumpamaan tentang seorang hamba, yang tidak kenal ampun mahupun belas kasihan (ay.23-24).

Sangat menarik, bahawa Yesus tidak menjawab pertanyaan Petrus berapa kali orang harus memaafkan sesamanya, melainkan bagaimana seharusnya sikap orang yang bersalah/berdosa mahupun orang yang memaafkan/mengampuni.

Dalam perumpamaan itu hamba pertama berasa takut, tidak berharga dan rendah diri ketika dia menghadap dan memohon kesabaran si raja. Tetapi sesudah diampu-

ni oleh raja, dia menemui kembali kekuatannya, tetapi menuntut pembayaran kembali hutang rakannya seperti seorang hamba. Apabila rakannya ini tidak dapat mengembalikan hutangnya, yang jauh lebih kecil daripada hutangnya sendiri, dia memasukkan rakan itu ke dalam penjara.

Bukankah demikian sebenarnya sikap kita terhadap sesama kita? Bagaimana sifat pengampunan kita terhadap mereka, yang kita anggap telah berbuat jahat terhadap diri kita?

Pada akhir perumpamaan itu kesimpulan yang diberikan Injil adalah kata-kata Yesus ini: “Demikianlah Bapa-Ku yang di syurga akan berbuat terhadap kamu, apabila kamu masing-masing tidak mengampuni saudaramu dengan segenap hatimu” (ay.35). Yesus mengingatkan kita, bahawa Bapa-Nya akan menunjukkan sikap yang sama terhadap siapa pun, seperti sikap si raja terhadap hambanya yang tidak tahu berbelaskasihan.

Maka timbullah pertanyaan: apakah sebenarnya yang disebut pengampunan? Pengampunan mengandaikan sesuatu yang harus

diampuni/ dimaafkan. Mungkin kecil atau besar, pendek kata ada orang yang berbuat tidak baik terhadap diri kita.

Menurut kata aslinya pengampunan bererti menyingkirkan atau *m e m b u a n g j a u h - j a u h*. Mengampuni/memaafkan bererti tidak terpengaruh lagi oleh sesuatu yang tidak baik, yang pernah dialami. Kemarahan, rasa dendam atau benci dilupakan!

Maka Yesus menuntut daripada murid-murid-Nya pengampunan tanpa batas. Nah, kita akui bahawa mengampuni atau berbelas kasihan tanpa batas kepada sesama ternyata bukanlah hal yang mudah!

Pengampunan tidak bererti bahawa kita segera langsung sudah berdamai, sudah terlaksana rekonsiliasi.

Namun, bila ada niat baik mulailah adanya suatu proses penyembuhan, yang menolong kita untuk menyingkirkan rasa dendam atau benci.

Bila kita tidak mengikuti nasihat Yesus tentang pengampunan, maka sungguh besar implikasi atau akibatnya untuk hidup kita baik sekarang mahupun hidup

HARI MINGGU BIASA KE-24

TAHUN A

SIRAKH 27:30-28:9

ROMA 14:7-9

INJIL MATIUS 18:21-35

yang akan datang.

Tahukah dan sedarkah kita, bahawa nasib keselamatan abadi kita kelak dinodai, dihambat, dan sangat rugi akibat ketidakmampuan kita untuk saling memaafkan/mengampuni selama kita masih hidup di bumi ini?

Kerana itu sungguh bagus untuk kita merenung dan membaca apa yang dikatakan oleh Sirakh dalam bacaan pertama (Sir 27:30-28:9).

Antara lain dikatakan: “Dendam kesumat dan amarah sangat mengerikan, dan orang berdosa yang dikuasanya. Barangsiapa membalas dendam akan dibalas oleh Tuhan. Tuhan dengan seksa memperhitungkan segala dosanya. Ampunilah kesalahan sesama, maka nescaya dosa-dosamu akan dihapus juga” (27:30-28:1-2)

Yesus telah mendirikan Gereja-

Nya untuk meneruskan karya keselamatan-Nya. Yesus datang menyatukan semua umat manusia, Dia telah merobohkan tembok-tembok segala bentuk perpisahan antara sesama.

Maka marilah kita semua sebagai anggotanya, baik di antara kita sendiri mahupun dengan sesiapa pun lainnya, baik dalam hubungan mahupun pergaulan dalam keluarga dan lingkungan sesama, ikut memupuk dan menghayati semangat dan jiwa pengampunan satu sama lain.

Rasa dendam dan benci melumpuhkan semangat hidup kita. Tetapi pengampunan dan rekonsiliasi satu sama lain adalah sumber damai dan kebahagiaan sejati Kerajaan Tuhan di bumi kita ini. — *Msrgr F.X Hadisumarta O. Carm, imankatolik*

1, 195 sabun untuk penghuni penjara

PULAU PINANG: Gereja Risen Christ telah menganjurkan aktiviti Belas Kasihan iaitu membuat sabun untuk diberikan kepada para banduan di negeri Pulau Pinang dan Kedah.

Aktiviti ini disertai 40 umat paroki dan paderi paroki mereka, Friar Esmond Chua, OFM pada Ogos 26.

Bukan sahaja warga emas dan orang dewasa, tetapi juga kanak-kanak turut mengambil bahagian dalam aktiviti ini.

Tahun ini, bengkel pembuatan sabun mengambil pendekatan yang berbeza. Para peserta diajak

untuk melakukan dua sesi refleksi tentang “Apa kata Alkitab tentang Pelayanan Penjara” dan “Kerohanian Pembuatan Sabun”

Untuk bengkel ini, para peserta bersyukur kerana disokong oleh paderi paroki yang menyediakan bahan-bahan mentah, para penderma yang menyumbangkan bahan acuan, minuman dan makan tengah hari.

Sebanyak 1,195 biji sabun telah dibuat, dibungkus dan dibahagikan sebanyak empat kotak lalu disampaikan oleh Friar Crispus Mosinoh, OFM kepada Sdra Peter Teh dari Pelayanan Penjara

Keuskupan Pulau Pinang.

Salah seorang peserta, Melissa Nithianathan mengongsikan sesi refleksi amat memberikan inspirasi dan memahami kerohani pembuatan sabun yang sama seperti kita berjalan bersama dengan Tuhan.

“Saya juga belajar untuk tentang kesabaran dalam proses membuat sabun dan sangat gembira dapat bekerjasama dengan umat dari pelbagai usia.”

Anne Wong pula mengatakan, “Ini adalah projek yang mulia kerana ia mendorong kita untuk mengingati mereka yang sedang



Beberapa pelajar sedang tekun membuat sabun.

dipenjarakan, yang memerlukan perhatian dan doa-doa kita. Semoga dengan pemberian sabun

dan perhatian daripada kita, mereka tidak berasa ditinggalkan dan dikecualikan.”

Kanak-kanak berikrar jaga kesihatan dan alam ciptaan



KUALA LUMPUR: Dengan matlamat memupuk budaya menjaga bumi di kalangan anak muda, Pelayanan Keadilan Penciptaan (CJM) Keuskupan Agung Kuala Lumpur bekerjasama dengan Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Thamboosamy Pillai, Sentul, pada Ogos 23 lalu untuk menanam pokok Eucalyptus.

Sebanyak 30 benih pokok Eucalyptus telah ditanam oleh 40 orang murid Tahun Tiga, Empat dan Lima.

Acara dimulakan dengan para sukarelawan berkumpul untuk berdoa di Gereja St Anthony dan kemudian berkumpul ke sekolah.

Aktiviti penanaman pokok itu diadakan sempena ‘Musim Penciptaan’, yang berlangsung dari Sept 1- Okt 4 dan Program Intervensi Obesiti — satu inisiatif yang dijalankan oleh sekolah di bawah Kementerian Kesihatan, untuk menggalakkan kanak-kanak kekal sihat.

Ruang hijau direka bentuk untuk dijadikan ruang interaktif bagi orang ramai berinteraksi dengan alam semula jadi, belajar tentang tumbuh-tumbuhan dan berfungsi sebagai alat bantu pendidikan.

Pembantu Eklesial Pelayanan Keadilan Alam Ciptaan Keusku-

pan Agung Kuala Lumpur, Fr. Andrew Manickam OFM Cap, dan para sukarelawan, menggalakan murid-murid menanam sendiri pokok dengan teliti, dan menasihati mereka agar kerap melakukan aktiviti luar rumah.

Kebanyakan murid-murid ini baru pertama kali menanam pokok dan mereka pasti mahu melakukannya lagi pada masa hadapan.

Setiap murid diberikan tumbuhan yang perlu disiram, untuk dijaga di rumah agar dan sebagai pemberi galakan kepada kanak-kanak ini untuk menanam pokok dan menjaga ciptaan Tuhan.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Apakah takdir itu wujud?

Ramai rakan saya yang mengatakan takdir itu tidak ada. Tetapi di dalam masyarakat ada begitu banyak pandangan berbeza tentang takdir. Apakah dalam Gereja Katolik berlaku dan ada takdir (semua sudah ditentukan Tuhan)? — Andreas

Gereja Katolik, berpegang pada pengertian atau prinsip ‘predestination’, bahawa Tuhan menghendaki semua orang diselamatkan. Gereja tidak mengajar ‘double predestination’ bahawa Tuhan dari awal sudah menentukan orang-orang yang akan masuk ke syurga (diselamatkan) dan orang-orang yang masuk neraka (tidak diselamatkan), seperti yang diajarkan oleh Calvinism (1509-1564)

Calvinism mengatakan Tuhan yang menghendaki adanya kejahatan atau kemalangan, sehingga pengkhianatan Yudas pun seolah-olah sudah ditentukan, atau ditakdirkan oleh Tuhan. Rahmat seakan hanya untuk yang baik, sehingga mereka yang ditakdirkan jahat atau mendapatkan celaka. — pandangan seperti ini **ditolak** oleh Konsili Trente.

Dalam Kitab Suci kita mendengar sabda, “... Bapa-Mu yang di Syurga, yang menerbitkan matahari bagi orang yang jahat dan orang yang baik dan menurunkan hujan bagi orang yang benar dan bagi orang yang tidak benar” (Mat 5:45). Yang hendak diungkapkan dalam petikan ini adalah Tuhan berkehendak menyelamatkan semua orang, bahawa semua orang menerima keselamatan itu dan Tuhan tidak pernah mengurangi atau memilih-milih untuk menyelamatkan.

Demikian pula, Tuhan tidak menghendaki atau menurunkan celaka atau kemalangan terhadap seseorang. Itulah yang sebenarnya ditentukan

Tuhan: keselamatan! Benar bahawa keselamatan hanya ada melalui, dalam dan dari diri Yesus Kristus, namun keselamatan tersebut menuntut sahutan bebas manusia. Tuhan selalu memberi ruang dan kebebasan pada manusia. Jika mereka berpaling daripada Tuhan, mereka tetap mempunyai ruang kesempatan lagi untuk berusaha memperoleh keselamatan.

Paus Leo IX dalam suratnya pada tahun 1053 menulis, Tuhan hanya menentukan yang baik, biar pun Dia tahu ada yang jahat, tetapi yang tidak baik bukan berasal daripada-Nya.

Kalau Tuhan hanya menghendaki yang baik, mengapa ada orang yang tidak beruntung atau malahan bernasib kurang baik?

Ketika para murid melihat seorang yang buta sejak lahir, mereka bertanya siapa yang salah, orangnya sendiri atau orang tuanya, Yesus menjawab “.. kerana pekerjaan-pekerjaan Tuhan harus dinyatakan di dalam dia” (Yoh 9:2-3). Di satu sisi kita tidak tahu mengapa, namun di sisi lain kenyataan itu merupakan undangan untuk memperlihatkan penyertaan Tuhan dan penyelenggaraan Ilahi. Konsili Trente ketika menjelaskan soal ini mengaitkannya dengan *perseverantia* (ketekunan, daya tahan).

Gereja mengakui bahawa kejahatan dan kemalangan akan sentiasa berlaku dalam hidup manusia. Bahawa ada yang orang yang selalu tidak bernasib baik malah seakan-akan selalu malang. Namun Tuhan bukan penyebabnya, sebagaimana dalam kisah perumpamaan gandum dan lalang (Mat 13:24-30).

Kenyataan tersebut menjadi ajakan untuk membuat pilihan dengan tekun dalam pilihan bebas, mengarahkan hidup kita kepada Tuhan, yang dengan misteri-Nya menyelenggarakan hidup kita

dalam kerangka tata keselamatan-Nya.

Menilai bahawa segala-galanya telah ditakdirkan oleh Tuhan, bahkan mengaitkan kemalangan dan kejahatan adalah daripada Tuhan adalah bertentangan dengan kenyataan bahawa Tuhan tidak menghendaki celaka, sebaliknya Tuhan hanya menghendaki keselamatan, kebaikan bagi semua.

Demikian pula, menuduh nasib malang dan situasi celaka atau bencana sebagai tanggungjawab Tuhan merupakan perbuatan menolak untuk mengakui kehendak bebas manusia untuk bertanggungjawab dalam hidup ini.



Kehendak bebas adalah rahmat, Tuhan mengurniakanNya bukan kerana Tuhan melepaskan tanggungjawab, namun kerana Tuhan dalam kebesaran hati-Nya mengajak manusia ikut terlibat dalam karya keselamatan ini. Situasi yang tidak beruntung adalah undangan kepada kita untuk menghadapinya dengan sikap iman, membantu, menepatkan harapan, dan mewujudkan tindakan kasih yang nyata.

Gereja dalam sejarahnya memuat pelbagai ragam kisah penganiayaan dan kemartiran, sejak dari Stefanus hingga kini, di mana kisah-kisah hebat itu menyatakan ia bukan menghancurkan seseorang sebaliknya memperkasakan lagi Gereja. Bahkan kisah-kisah itu juga mengajar kita bahawa khabar buruk pun mendatangkan kebaikan.

Satu-satunya takdir yang dikehendaki Tuhan adalah keselamatan. Persoalannya, bagaimana kita menyikapinya? Jangan cepat menyalahkan Tuhan kerana nasib buruk menimpa kita sebaliknya datang dan membuka diri untuk mengenali misteri-Nya, dan bekerjasama untuk ikut memulihkan kehidupan. — Fr T. Krispurwana Cahyadi SJ, hidupkatolik.com

Sahabat kecil Yesus

Cari **SEPULUH** perbezaan pada gambar di bawah.



Sebab ☺☺☺ kita ●●●
kita ●●● untuk
✚✚✚, dan ☺☺☺ kita
mati, kita mati untuk
✚✚✚. Jadi ✌✌✌ ●●●
atau mati, kita adalah
milik ✚✚✚. (Roma 14:8)



hidup= ●●● jika= ☺☺☺
Tuhan= ✚✚✚ baik= ✌✌✌

Hello adik-adik,

Ada dua perkara yang menarik dalam Injil pada Hari Minggu Biasa ke-24 ini.

Pertama: Belas Kasihan dan Kedua: Mengampuni.

Sesungguhnya kedua-dua sikap ini ialah ciri Tuhan. Tuhan adalah Kasih. Dan Dia selalu berbelas kasihan dan mengampuni kita.

Namun, persoalannya, adakah kita dapat meneladani sifat agung Tuhan ini?

Jika rakan kita menyakiti hati kita, bercakap tidak baik tentang kita, adakah kita dapat memaafkan mereka?

Adakah kita berbelas kasihan kepada orang-orang miskin?

Adik-adik jika kita memaafkan kesalahan orang lain, ia bukan sahaja menghentikan rasa marah tetapi menunjukkan kemurahan hati kita.

Ini menunjukkan adik-adik menerima panggilan dan jamaahan Tuhan untuk memaafkan seseorang.

Dan bagi orang yang memaafkan, buah-buahnya ialah kelegaan, sukacita dan damai. Semoga kita menjadi orang yang mudah memaafkan dan damai. Amen.

Salam sayang
Antie Melly

Warnakan tiga penanda buku di bawah. Gunting dan letakkan ia di dalam Alkitab atau pada buku kegemaran adik-adik.



Jadikanlah hatiku murni ya TUHAN, dan perbaharuilah batinku dengan roh yang teguh!
(Mazmur 51:10)

**Biarkanlah anak-anak itu datang kepada-Ku ...
(Lukas 18:16)**




**Hendaklah hidupmu berpadanan dengan Injil Kristus.
(Filipi 1:27)**

BELIA MILENIUM



Temasya Belia Keuskupan Sandakan: MERAYAKAN IMAN DAN PERSAHABATAN

SANDAKAN: Sesiapa sahaja yang percaya Yesus adalah Jalan, Kebenaran dan Hidup, maka kita akan memperoleh pengetahuan akan kebenaran, yang memerdekakan (Yoh 8:32) dan menuntun kepada keselamatan (1Tim 2:4).

Perkara ini ditegaskan oleh Fr Simon Kontou semasa memimpin Misa penutup Temasya Belia Kesukupan Sandakan (TBK), sebuah program kaum muda yang terbesar di keuskupan itu.

TBK kali kedua ini telah menghimpunkan 197 orang peserta dari lima paroki dan satu mision di Keuskupan Sandakan pada Ogos 28 - September 1, 2023.

Bertempat di paroki Katedral St Mary, TBK2 dimulakan dengan Misa Kudus pembukaan yang dipimpin oleh Uskup Julius Dusin Gitom.

Dalam homilinya, Bapa Uskup menekankan kepada para peserta agar menjadi seperti Maria yang bergegas pergi untuk melayani orang lain.

Katanya, semangat bergegas itulah yang harus diterapkan dalam diri para belia agar sentiasa bersedia untuk melayani antara sesama.

Namun dalam ketergesaan itu, Bapa Uskup Julius menasihati, agar belia sebaik-baiknya melakukan sesuatu dengan memikirkan pro dan kontra tindakan berkenaan.

Ini adalah kerana, semangat



Para peserta Temasya Belia Keuskupan Sandakan kali kedua (TBK2) menyanyikan lagu-lagu pujian semasa acara pembukaan.

pelayanan seperti Maria harus dilakukan dengan fikiran yang waras agar dapat menghasilkan kesan yang baik.

Selain itu, Bapa Uskup juga menasihati agar semangat pelayanan itu biarlah tulus seperti Bonda Maria. Jika pelayanan itu kerana didorong oleh ketamakan dan bukan berasal daripada Yesus, ia boleh memudaratkan Gereja, komuniti mahupun diri sendiri.

Meskipun tidak dapat bersama para belia pada Misa penutupan TBK2, Uskup Julius memohon maaf dan mendoakan para peserta TBK2 terus berani bersaksi bagi Kristus.

Menariknya, semasa Misa penutup, para belia yang merasai ada panggilan untuk menjadi paderi dan religius, diminta berdiri dan mereka menerima berkat khas.

Siapakah tuan rumah TBK kali ketiga? Sejurus selepas sesi ucapan, sesi perarakan ikon Bonda Maria dan Obor Temasya telah diadakan.

Perarakan ini adalah simbolik untuk mengumumkan paroki seterusnya sebagai tuan rumah Temasya Belia Keuskupan Sandakan kali ketiga iaitu Paroki Holy Trinity, Tawau.

Pertemuan selama lima hari ini telah

membawa kesan yang sangat positif dalam kalangan peserta. Sepanjang temasya, pada waktu pagi diadakan sesi pendalaman iman dan di sebelah petang, diisi dengan aktiviti-aktiviti sedikit lasak.

Penganjur juga membuka ruang kepada para peserta untuk sesi kaunseling yang melibatkan ramai religius dan mereka yang berkelayakan.

Sakramen Tobat juga diadakan semasa adorasi sedang berlangsung, di mana Bapa Uskup serta beberapa paderi memberikan absolusi. — *Tim Multimedia & Publisiti TBK 2*

Belia tingkatkan pemahaman tentang Liturgi

MIRI: Seramai 80 belia di paroki Taman Tunku dalam Keuskupan Miri telah berkumpul di Gereja St Dominic and the Rosary pada Ogos 25-26 lalu untuk menyertai program DISCIPLE yang bertema, "Bukan kamu yang memilih Aku, tetapi Akulah yang memilih kamu" (Yoh 15:16).

Program ini diisi dengan bengkel-bengkel

seperti pemilihan lagu dalam pelayanan koir, kemahiran menguatkan cara kepimpinan di kalangan ahli pemuzik dan penyanyi.

Bermula dengan aktiviti "Ice-Breaking", para peserta kemudiannya mengikuti sesi pertama "Roles of Youth Ministry in the Church" yang disampaikan oleh Sdra Andrian Enggkin (*Acting Youth Minister*

Diocese Miri).

Pada hari kedua, Amy Lee, seorang Koordinator Muzik Liturgi, mengendalikan sesi "Muzik Liturgi dalam Gereja."

Sesi tersebut membantu para peserta mengetahui cara-cara pemilihan lagu dalam Liturgi dan peranan muzik dalam Liturgi.

Selepas itu, Sdra Hendrick Kelly dari Paroki Taman Tunku) menyampaikan bagaimana membina kerjasama dalam kumpulan pelayanan melalui sesi "Building Leadership and Musician in Church".

Di sebelah petang, Fr. Sylvester Ngau Juk mengendalikan sesi "Roles of leadership and Musician in Church". Antara yang ditekankan olehnya ialah Tuhan memilih kita dalam melakukan pelayanan di gereja.

Program DISCIPLE diakhiri dengan acara *Worship Night*.

Worship Night dibahagikan kepada beberapa sesi iaitu katekesis bersama Fr Sylvester dan Adorasi. Program ini diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang aktiviti kumpulan sepanjang program. — *Hendrick Kelly*



PERJALANAN APOSTOLIK SRI PAUS FRANSISKUS KE MONGOLIA — SEPTEMBER 1-3, 2023

Sri Paus bawa Injil Sukacita ke negara berpenduduk paling sedikit di dunia



Bapa Suci Fransiskus menyapa seorang kanak-kanak semasa acara sambutan di ibu kota Mongolia, Ulaanbaatar, pada September 1.

ULANBAATAR: Kedatangan Sri Paus Fransiskus ke Ulan Baatar, Mongolia mendapat sambutan meriah pada September 1.

Ini merupakan kunjungan kepausan pertama ke Mongolia dan turut mengirimi telegram “persatuan dan perdamaian” ke negara tetangga Mongolia, China semasa pesawat Sri Paus melintasi republik itu.

Kunjungan Bapa Suci berusia 86 tahun ke negara yang berpenduduk majoriti beragama Buddha itu sebagai tanda sokongan terhadap komuniti kecil umat Katolik yang berjumlah sekitar 1,400 orang dan pada masa yang sama, merupakan langkah strategik un-

tuk meneguhkan hubungan Vatikan dengan Beijing dan Moscow.

Ketibaan Bapa Suci di Ulanbaatar disambut oleh barisan pegawai kehormatan Mongolia dengan pakaian tradisional berwarna biru, merah dan kuning, bersama dengan Menteri Luar Negera, Batmunkh Battsetseg.

Dalam ucapan rasmi pertamanya selepas ketibaannya di Mongolia, pada September 1, Sri Paus Fransiskus sekali lagi mengulangi seruannya untuk keamanan di dunia.

“Semoga awan gelap peperangan dilenyapkan, dihanyutkan oleh keinginan kuat dan kukuh untuk persaudaraan sejagat di mana

konflik diselesaikan melalui pertemuan dan dialog, dan hak asasi semua orang terjamin!” kata Sri Paus semasa berucap kepada pihak berkuasa Mongolia, masyarakat sivil, dan pegawai diplomatik di Istana Negara Ulaanbaatar.

Bapa Suci juga dialu-alukan di Istana oleh Presiden Mongolia, Ukhnaagiin Khürelsük, di mana mereka bertukar-tukar cendera kenangan dan perbualan peribadi.

Sri Paus memuji negara demokratik moden Mongolia atas usahanya dalam mempromosi hak asasi manusia dan keamanan, khususnya keazaman mereka untuk kekal sebagai negara bebas senjata nuklear. — *media Vatikan*

Ucapan damai Bapa Suci kepada umat Katolik China

ULANBAATAR: Semasa merayakan Misa Kudus di Steppe Arena di Ulanbaatar pada September 3, Sri Paus Fransiskus memegang tangan dua orang uskup Hong Kong, seraya mengajak umat Katolik China agar menjadi umat Katolik yang baik.

Uskup Hong Kong, Stephen Chow, yang akan diangkat menjadi kardinal, bersama pendahulunya, Kardinal John Tong-Hon diajak berdiri di sebelah kanan dan kiri Sri Paus Fransiskus, sebuah aksi tanpa dirancang.

Diiringi tepuk tangan meriah dari pada umat yang hadir, setelah memanggil dua orang Uskup China itu ke altar untuk bergabung bersamanya, prelatus itu meminta mikrofon untuk berbicara langsung kepada China, yang mengejutkan para pembantu liturgi Sri Paus sendiri.

“Saya ingin menggunakan kesempatan ini, di hadapan dua saudara uskup ini — Emeritus Hong Kong dan Uskup Hong Kong sekarang — untuk menyampaikan salam yang tulus ke-

pada rakyat China yang mulia.

“Saya menyampaikan harapan baik saya kepada mereka semua: selalu maju, selalu maju!”

“Dan kepada umat Katolik China: Saya mohon agar kalian menjadi umat Kristian yang baik dan warganegara yang baik. Untuk kalian semua, terima kasih,” kata Sri Paus.

Semasa pesawat Bapa Suci melintasi ruang udara China, prelatus itu menghantar telegram kepada Presiden Xi Jinping, dengan ucapan “selamat



sejahtera” kepada presiden itu dan rakyat China. “Sesungguhnya, saya berdoa untuk kesejahteraan negara anda agar rahmat ilahi perpaduan dan keamanan melimpah di negara

anda,” tulisnya.

China dan Vatikan tidak mempunyai hubungan rasmi namun mereka mempunyai “perjanjian khas” dalam hal pelantikan Uskup. — *media Vatikan*

Agama dan budaya dapat disalahgunakan untuk menindas

ULANBAATAR: Pada September 3, Sri Paus Fransiskus memengerusikan acara ekumenikal dan antara agama di Teater Hun, Ulaanbaatar di mana perwakilan agama Shinto, Buddha, Islam, Yahudi, Hindu, Shamanisme, dan denominasi Kristian mengambil bahagian.


Pemerhati kerajaan dan wakil universiti turut hadir pada acara yang mempromosikan kewujudan bersama secara aman dan kemuncak kunjungan apostolik Sri Paus Fransiskus ke Mongolia dari Ogos 31-September 4.

Meskipun Santo Sri Paus Yohanes Paulus II sudah lama ingin melawat Mongolia namun tidak berkesempatan. Ini menjadikan Sri Paus Fransiskus sebagai Bapa Suci pertama melawat Mongolia.

Pada acara antara agama dan ekumenikal tersebut, dalam ucapannya, Bapa Suci menegaskan harapan bahawa keharmonian antara agama mempunyai kuasa untuk membuah hasil yang besar.

Prelatus itu memberi amaran terhadap penyelewengan agama yang boleh mencetuskan skandal, keganasan, atau penindasan.

Sangti Papa memuji warisan kebijaksanaan Mongolia yang dibantu dan disokong oleh pelbagai agamanya.



Bapa Suci Fransiskus dengan salah seorang perwakilan agama Buddha.

Kata Sangti Papa, walaupun terdapat godaan konsumerisme tetapi tradisi di negara ini mengekalkan penghormatan terhadap orang tua dan nenek moyang mereka. Betapa baiknya hari ini, kita memerlukan rasa hormat antara tua dan muda!

Sri Paus Fransiskus turut memuji penjagaan Mongolia terhadap alam sekitar, yang mempunyai nilai keheningan dan sumbernya amat diperlukan oleh manusia.

Pada akhir pertemuan itu, Bapa Suci menyeru peranan penting institusi-institusi agama sebagai penyebar kesejahteraan dan keamanan serta sentiasa mengadakan dialog dan pertemuan demi mempromosi kerjasama antara agama.

— *media Vatikan*

Berbelas kasih agar orang lain dapat menghirup haruman Kristus

ULANBAATAR: Bapa Suci Fransiskus mengakhiri lawatan bersejarahnya ke Mongolia pada September 4 dengan merasmikan ‘House of Mercy’ (Rumah Belas Kasihan) sebuah pusat perlindungan gelandangan dan simbol komitmen Gereja untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Pelbagai kemudahan di pusat ini termasuklah penjagaan kesihatan kepada golongan yang paling memerlukan — gelandangan, mangsa penderaan domestik dan pendatang.

Dua jam kemudian, pada 11.40 waktu tempatan, Bapa Suci diiringi oleh Menteri Luar Mongolia, Battsetseg Batmunkh untuk ke lapangan terbang.

Dalam ucapannya terhadap pekerja amal *House of Mercy*, prelatus itu mengungkapkan rasa terima kasih yang mendalam atas sambutan hangat yang diterimanya semasa upacara pemberkatan tersebut.

Sangti Papa sekali lagi memuji dedikasi berterusan Gereja untuk tindakan amal, dan menekankan empat tiang asas Gereja iaitu persekutuan, liturgi, pelayanan



Sri Paus Fransiskus memberkati ‘House of Mercy’ yang menawarkan pelayanan untuk para gelandangan di Mongolia.

dan kesaksian.

Rumah Belas Kasihan “berdiri sebagai ungkapan konkrit kepedulian terhadap mereka yang memerlukan dan merupakan ciri khas komuniti Kristian; kerana di mana kita mendapat sambutan, keramahan dan keterbukaan kepada orang lain, kita menghirup “haruman Kristus” (lih. 2 Kor. 2:15).”

Bapa Suci bersungguh-sungguh menggalakkan sukarelawan untuk

memberi pelayanan tanpa mementingkan diri kerana pelayanan itu mempunyai kuasa mengubah individu malah masyarakat.

Bapa Suci juga sangat menyukai nama yang dipilih untuk pusat itu: Rumah Belas Kasihan. Ia menggambarkan sebagai rumah di mana semua orang dialu-alukan dan dapat mengalami kasih agung Tuhan dan sesama, yang dapat menggerakkan dan melembutkan hati. — *media Vatikan*

HOMILI BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Hanya Kristus yang dapat menghilangkan dahaga kita

Semasa memimpin Perayaan Ekaristi pada September 3 di Arena Steppe Ulaanbaatar, Mongolia, Sri Paus Fransiskus berbicara tentang “kehausan dalam diri kita” di mana ia hanya dapat dipuaskan melalui kasih Tuhan.

Mazmur pada Hari Minggu Biasa Ke-22 itu mengungkapkan “Ya Tuhan ... jiwa waku haus kepada-Mu, tubuhku rindu kepada-Mu, seperti tanah yang kering dan tandus, tiada berair.”

Kata-kata Pemazmur ini mengajak kita untuk “mengakui kehausan dalam diri kita iaitu haus akan Firman dan Kasih Tuhan”. Menurut Sangti Papa, kata-kata Pemazmur itu mempunyai kaitan seperti Mongolia dengan budaya tradisional nomad.

“Kita semua adalah ‘orang nomad Tuhan’, penziarah yang mencari kebahagiaan, pengembara yang mencari cinta”

“Saudara dan saudari yang dikasihi,” kata Sri Paus Fransiskus, “iman Kristian adalah jawapan kepada kehausan ini... Kerana dalam kehausan ini terletak misteri besar kemanusiaan kita: ia membuka hati kita kepada Tuhan yang hidup, Tuhan yang Mencintai, yang datang untuk menemui kita dan menjadikan kita anak-anak-Nya sebagai saudara dan saudari antara satu sama lain.”

Sri Paus juga menasihati, jika hidup kita “mengalami padang pasir kesunyian, keletihan, dan kekosongan, ingatlah akan kata-kata Sto Augustinus, Tuhan menyegarkan kita dengan embun Firman-Nya... Tuhan telah membuka jalan



Bapa Suci menerima cenderahati daripada dua orang kanak-kanak pada hari terakhir lawatan apostoliknyanya di Mongolia. Gambar: Media Vatikan.

bagi kita di padang pasir, Tuhan kita Yesus Kristus menawarkan penghiburan kepada kita dalam khutbah dan ucapan-ucapannya, dan menyirami ‘padang pasir di hati kita yang tandus’ dengan Air Kehidupan-Nya agar kita dibawa kembali ke inti iman kita.

Memberikan renungan tentang pewartaan kedua tentang ketidakpercayaan kita untuk menerima Sengsara dan Salib Yesus, Sri Paus Fransiskus menjelaskan bahawa Santo Petrus menasihati bahawa keduniawian, “tidak membawa ke mana-mana; malah ia lebih membuatkan kita dahaga daripada sebelumnya.”

Hanya dengan menyangkal diri kita dan memikul salib kita, seperti yang Yesus lakukan, kita akan dapat memuaskan dahaga dalam hidup kita, pesan Sri Paus.

“Ini adalah kebenaran yang Yesus mahu kita sedari dan fahami bahawa kebenaran yang Dia ingin nyatakan kepada anda semua: Anda tidak perlu terkenal, kaya, atau berkuasa untuk bergembira. Hanya cinta Tuhan yang dapat memuaskan dahaga hati kita, hanya cinta Tuhan yang dapat menyembuhkan luka kita, hanya cinta Tuhan yang membawa kita kegembiraan sejati.” — *media Vatikan*

Santapan untuk rohani kita

Menghilangkan kebiasaan bersungut

Walaupun pada umumnya kita tidak ingin dan bahkan tidak suka bersungut-sungut, tetapi nampaknya sungut-sungutan itu dapat terjadi sebelum kita

sempat menyedarinya.

Komplain secara automatik keluar dari mulut kita atau dalam fikiran walaupun kita sedang melakukan perbuatan-perbuatan yang baik, seperti dalam pelbagai kegiatan gerejawi. Bagaimana caranya menghilangkan kebiasaan buruk ini?

Santo Fransiskus dari Sales mengajar kita bahawa untuk memperbaiki kelemahan kita ialah pertama: Memeriksa batin kita secara rutin.

Pemeriksaan batin membantu kita untuk jujur melihat kelemahan kita, dan agar kita semakin terdorong untuk memperbaikinya. Jika boleh, periksalah batin kita sekali sehari atau jika diperlukan, dapat diadakan lebih sering.

Selanjutnya, Kitab Suci mengajar kita beberapa cara untuk meninggalkan kebiasaan bersungut-sungut ini.

Pertama adalah, kita mengingat bahawa Tuhan tidak menyukai tindakan ‘bersungut-sungut’ (Bil 11:1; 14:27-29).

Tuhan tidak berkenan kepada sikap bangsa Israel yang bersungut-sungut di padang gurun, sehingga akhirnya mereka menerima akibatnya di mana mereka harus mengembara selama empat puluh tahun (lih. Ul 8:2), dan tidak seorang pun dari generasi mereka dapat masuk ke tanah terjanji, kecuali Kaleb dan Yosua (lih. Bil 14:30; 15:30).

Untuk mengurangi kebiasaan bersungut-sungut ini, baiklah kita semakin ser-

ing merenungkan Jalan Salib Kristus, atau Peristiwa-peristiwa Sedih dalam doa rosari.

Biarkan teladan Kristus ini meresap di dalam hati kita, agar sedikit demi sedikit, membentuk kita untuk menjadi lebih serupa dengan Dia. “Demikianlah kita ketahui kasih Kristus, iaitu bahawa Dia telah menyerahkan nyawa-Nya untuk kita; jadi kitapun wajib menyerahkan nyawa kita untuk saudara-saudara kita.” (1 Yoh 3:16).

Langkah selanjutnya, setelah kita merenungkan teladan kasih Kristus kepada kita, mari melakukan segala tugas kita dengan rela hati dan sukacita.

Sebab bukankah sudah seharusnya kita membalas kasih Tuhan yang sudah tercurah tanpa batas bagi kita itu?

Keinginan untuk mengasihi Tuhan ini akan selalu memurnikan hati kita, dan membuat kita tidak lekas kecewa ataupun bersungut-sungut.

Semasa menghadapi kesukaran misalnya pertolongan dan pelayanan kita kurang dihargai, semasa kita menerima kritikan pedas daripada orang lain ... ingatlah akan Tuhan yang selalu mengasihi kita dan memberikan kepada kita, kekuatan dan dorongan untuk tetap setia melakukan tugas-tugas kita.

Mari memberi semangat kepada diri sendiri dengan mengatakan, “Aku melakukan semua tugas ini untuk Tuhan, dan bukan untuk manusia...” — *katolisitas*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Pelajaran tentang Sinode dari Mongolia

Rufina Chamingerel seorang pekerja pastoral menyampaikan ucapan kepada Sri Paus Fransiskus semasa sebuah audiensi di katedral Ulaanbaatar pada hari Sabtu, September 2 membawa suara umat Katolik di Mongolia.

Rufina berkata: “Saya masih tidak tahu bagaimana untuk menterjemah perkataan ‘komuniti’ ke dalam bahasa kami... Gereja kami berada dalam fasa seperti kanak-kanak yang sentiasa bertanya soalan ibu bapa mereka... Pada pendapat saya, meskipun kami tidak mempunyai banyak buku katekesis dalam bahasa kami tetapi kami mempunyai ramai misionari yang merupakan ‘kitab hidup’. Saya ingin menekankan keberkesanan Sinode tentang Sinodaliti.

Semasa Sinode, umat beriman kami, khususnya pekerja pastoral, dapat memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang sifat sebenar Gereja, dan perspektif yang lebih lengkap untuk paroki kami.

Ini adalah pengalaman berharga Sinode tentang Sinodaliti yang datang dari “kawanan Katolik kecil” di padang rumput Mongolia. Program sinodal yang dialami di sini menjadikan “sifat sebenar Gereja lebih difahami”.

Selepas ucapan Rufina, Sri Paus Fransiskus memperdalamkan lagi Sinode tentang Sinodaliti kepada umat Katolik Mongolia dengan menekankan kata “persekutuan”.

Bapa Suci menjelaskan, “Gereja tidak boleh difahami dalam istilah fungsional semata-mata. Gereja bukan perniagaan (...). Ia adalah sesuatu yang lain. Kata ‘persekutuan’ menerangkan dengan baik apa itu Gereja.

Dalam struktur Gereja, uskup bukanlah bertindak sebagai pengurus tetapi pemimpin rohani di mana Yesus hadir dalam diri uskup secara teratur. Untuk memastikan persekutuan dalam Tubuh mistik-Nya.”

Sri Paus Fransiskus juga menjelaskan bahawa prinsip majoriti sistem demokrasi tidak boleh digunakan dalam kehidupan Gereja dan ia berlawanan dengan sifat Gereja.

Tambahnya, “Perpaduan dalam Gereja bukanlah tentang ketertiban dan penghormatan, dan ia juga bukan sekadar strategi yang baik mempromosi ‘kerja berpasukan’.

Perpaduan, tegas Sri Paus, adalah tentang iman dan cinta kepada Tuhan, tentang kesetiaan kepadanya. Maka penting bagi semua elemen gerejawi untuk tetap bersatu dengan teguh terhadap uskup, yang mewakili Kristus yang hidup di tengah-tengah umat-Nya, dan untuk membina persekutuan sinodal yang sangat membantu dalam memupuk iman.”

Sinode yang akan datang adalah peluang yang berkembang dalam pengalaman dan kesedaran tentang apa ertinya menjalani persekutuan gerejawi, bukan mengikut “agenda” yang telah ditentukan oleh individu atau pihak, tetapi dengan menemui atau menjalin semula persekutuan dalam doa dan dalam tindakan mendengar bersama, membiarkan semua orang dibimbing oleh Roh dan dengan itu mempraktikkan dimensi penting sebagai Gereja yang telah wujud dalam sejak zaman perdana.

● *Direktor Editorial Vatican News memberi ulasan tentang ucapan seorang pekerja pastoral Mongolia, Rufina Chamingerel, mengenai Sinode tentang Sinodaliti.*

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.



Lakukan semua pelayanan dan tugas kita demi Tuhan.

Pelancaran PROTEC-4 di Keuskupan Miri

MIRI: Para Uskup Katolik Malaysia, melalui Komisi Episkopal Keadilan Penciptaan Malaysia, Singapura dan Brunei (ECCJMSB) melancarkan Kempen Lindungi Bumi Kita, Lindungi Anak-anak Kita (PROTEC) untuk tahun keempat dan juga kempen Musim Penciptaan pada Ogos 31, 2023 di Katedral St Joseph, Miri, Sarawak.

Dengan tema tahun ini: Mengurangkan Penggunaan Bahan Api, pelancaran PROTEC 4 dimulakan dengan Perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Richard Ng.

Prelatus itu dibantu oleh Presiden Komisi Episkopal Keadilan Terhadap Penciptaan Tuhan untuk Malaysia, Singapura dan Brunei iaitu Uskup Joseph Hii dan para paderi penasihat rohani Komisi Keadilan Ciptaan Tuhan (KKCT) dari seluruh Keuskupan/Agung di Malaysia.

Semasa menyampaikan homilinya, Uskup Richard mengatakan keadilan adalah antara atribut utama Tuhan.

“Keadilan bukan sahaja tentang hak asasi manusia tetapi berkenaan semua alam ciptaan. Semua perkara di dunia ini misalnya manusia, udara, hutan, alam ... adalah saling berkaitan. Jika salah satu aspek atau sumber itu terganggu, misalnya air, manusia akan menanggung kesan buruk,” tegas Uskup Richard.

Prelatus itu juga memetik pembacaan



Para perwakilan KKCT bergambar bersama dengan Uskup Richard dan Uskup Joseph selepas pelancaran PROTEC-4 di Miri.

pertama yang menekankan kepentingan keadilan seperti yang disuarakan oleh Nabi Amos.

Nabi Amos mengatakan perayaan agama, ibadat dan nyanyian tidak bermakna tanpa keadilan.

“Oleh itu, kita semua harus memperjuangkan keadilan untuk mereka yang lemah, miskin dan juga untuk bumi kita,” kata Uskup Richard.

Uskup Richard juga memaklumkan bahawa Sri Paus Fransiskus juga sedang mengemas kini ensiklik *Laudato Si* bahagian kedua yang memasukkan

perubahan iklim.

Dalam ucapannya, Uskup Joseph Hii selaku Presiden Koimisi Episkopal Keadilan Terhadap Penciptaan Tuhan untuk Malaysia, Singapura dan Brunei iaitu Uskup Joseph Hii mengatakan semasa konferensi para Uskup pada bulan Julai lalu, kesemua sembilan orang uskup Malaysia menandatangani ikrar untuk menjadikan keuskupan mereka sebagai keuskupan ekologi.

Uskup Joseph Hii mengatakan acara itu amat indah dan menunjukkan komitmen tinggi para uskup untuk menjaga keseimbangan dan keadilan ciptaan.

Prelatus itu juga menggalakkan para umat untuk melakukan ‘sedikit’ aktiviti bagi mengurangkan pencemaran bahan api dengan menanam pokok, berkongsi kenderaan dan memilih pengangkutan umum bagi mengurangkan pelepasan karbon.

Selepas sesi ucapan, pelancaran PROTEC 4 diadakan di mana Uskup Richard dan Uskup Joseph membuka poster PROTEC 4 dan Musim Ciptaan diiringi lagi *Laudato Si, O Mii Signore*.

Ini diikuti dengan perarakan masuk banner *Coat of Arms* yang dibawa oleh para perwakilan KKCT seluruh Malaysia.

Umat pelbagai denominasi Kuala Penyu berjalan untuk Yesus



KUALA PENYU: Dengan tema “Kekitaan dan Kesejahteraan”, umat Kristian dari pelbagai dominasi di daerah Kuala Penyu telah membuktikan bahawa walaupun terdapat pelbagai variasi penyembahan kepada Tuhan, umat Kristian di daerah ini boleh bekerjasama dan sehat sejiwa bagi memastikan keharmonian kepelbagaian anutan umat Kristian tetap terpelihara.

Program Berjalan Untuk Yesus anjuran Majlis Gabungan Gereja-gereja Kuala Penyu (MGGKP) telah disertai lebih daripada 300 pada Ogos 27 lalu.

Para peserta berjalan bersama sejauh tiga KM di sekitar pekan Kuala Penyu yang bermula dan berakhir di Dewan Terbuka Kebudayaan Kuala Penyu.

Sebelum itu, program ini dimulakan dengan taklimat aktiviti perjalanan oleh Sdra. Carol Sylvester, Pengerusi MPP bagi Gereja Katolik yang juga selaku Marshal barisan hadapan bagi memastikan kelancaran dan keselamatan perjalanan.

Ini disusuli dengan doa pembukaan oleh Sdra. Johnny T dari Gereja Kalvari seterusnya

sesi pujian dan penyembahan yang diketuai oleh Sdra Jackson Juin dari Gereja Katolik.

Pengerusi MGGKP, Sdra. Fredoline Babia (Anglikan) di dalam ucapan dan renungan Firman Tuhan, menekankan tentang Kesatuan dan Kesejahteraan.

Beliau mengharapkan agar kesatuan dalam Tuhan tetap dikekalkan dengan cara saling membantu, saling mendorong dan saling mengenali antara satu sama lain walaupun kepelbagaian aliran.

Pemimpin Pembangunan Masyarakat Kuala Penyu (PPM), Sdra Jepinus Kimuin, merangkap wakil Datuk Limus Juri, menyatakan bahawa, program itu bertepatan untuk menyatukan semua umat Gereja.

Sambil Berjalan Untuk Yesus, para peserta turut mengutip sampah sebagai tanda menjaga keharmonian dan keindahan alam sekitar.

Mereka juga berdoa bersama untuk kesejahteraan daerah Kuala Penyu di tapak tamu pekan tersebut.

Program ini diakhiri dengan doa penutup oleh Sdra Joseph Mailin dari Gereja SIB. — **KOMSOS Kuala Penyu**

Umat Beluran bakal dapat Gereja baharu menjelang 2025

BELURAN, Sandakan: Ogos 23, 2023 tarikh bersejarah bagi umat Katolik Paroki Our Lady of Fatima, Beluran (OLOF) apabila majlis pecah tanah dan menandatangani perjanjian bagi pembinaan bangunan Gereja baharu paroki tersebut telah disempurnakan Bapa Uskup Datuk Julius Dusin Gitom.

Perjalanan aturcara dimulakan dengan upacara pemberkatan tapak gereja baharu yang dipimpin oleh Bapa Uskup dan Fr. Stephen Esquerra.

Seterusnya dilanjutkan dengan majlis pecah tanah sebagai menandakan bermulanya pembangunan gereja baru itu secara rasmi.

Gereja baharu ini amat diperlukan memandangkan Gereja sekarang ini tidak dapat menampung keperluan khususnya bilangan umat semakin bertambah.

Dalam ucapannya semasa majlis tanda-

tangan perjanjian, Bapa Uskup menceritakan perjalanan dan kronologi cadangan pembinaan Gereja yang bermula pada tahun 2000 lagi.

Cadangan itu diperincikan lagi pada tahun 2016 setelah Gereja Our Lady of Fatima dinaiktaraf sebagai sebuah paroki di Keuskupan Sandakan.

Prelatus itu merasa kasihan dengan para umat, yang terpaksa berdiri sepanjang Misa atau ibadat lebih-lebih lagi para masa perayaan keagamaan. Lebih-lebih lagi struktur bangunan papan kayu yang sudah mulai usang juga membimbangkan.

Bangunan gereja baharu dua tingkat itu boleh memuatkan 800 umat dan sedang giat menghimpunkan dana. Uskup Julius berharap bangunan ini akan siap selewat-lambatnya pada Perayaan Paskah Tahun 2025. — **Selwyn S. Sho**



Uskup Julius memberkati tapak tanah yang bakal didirikan Gereja di Beluran.